


THESIS

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Bagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.



keperluan
perancangan lanskap perumahan
di dalam
proses perancangan perbandaran.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

	Kandungan	i
	Senarai Jadual	iv
	Senarai rajah	v
	Senarai pelan	vi
	Senarai lakaran	ix
	Sinopsis	x
	Penghargaan	xi
1.0	PENDAHULUAN	
	Takrifan lanskap secara umum	1
2.0	KEPERLUAN UNTUK MENGAWAL PROSES PERANCANGAN PERBANDARAN	
2.1	Pengawalan rekabentuk bandar	9
2.2	Apakah dia rekabentuk perbandaran	16
2.3	Elemen-elemen rekabentuk perbandaran	20
2.4	Mengapa rekabentuk perbandaran di perlukan?	22
2.5	Mengapa terdapatnya kekurangan pemer- terhadap rekabentuk perbandaran ?	24
2.6	Sumbangan rekabentuk perbandaran ter- hadap masyarakat.	26
3.0	KEGAGALAN PERANCANGAN LANSKAP TAPAK PERUMAHAN BERKEPADATAN TINGGI(HRHD) DI DALAM PROSES PERANCANGAN PERBANDARAN MASA KINI.	29
4.0	MASALAH FIZIKAL LANSKAP PERUMAHAN BE- KEPADATAN TINGGI (HRHD) DAN KESANNYA PADA	

SINOPSIS.

Daripada maklumat-maklumat dan pengamatan yang telah dibuat menunjukkan bahawa Kompleks Perumahan Tuanku Abdul Rahman : Jalan Pahang - Jalan Tun Razak mempunyai kualiti alam persekitaran yang rendah. Ini adalah berpunca daripada beberapa masalah-masalah yang timbul yang dihasilkan dari satu perancangan yang dijalankan secara 'ad hoc' yang semata-mata untuk mengatasi masalah kekurangan tempat tinggal. Ia telah menimbulkan dua masalah utama iaitu masalah susunatur dan masalah fizikal lanskap di kawasan tersebut. Dari penganalisaan yang didapati masalah susunatur merangkumi aspek-aspek berikut:-

1. Kepadatan yang sangat tinggi.
2. Kekurangan kawasan lapang samada kawasan lapang luar rumah dan kawasan lapang rekreasi.
3. Sistem jalan yang tidak teratur.

Manakala masalah lanskap yang sedang dialami ialah:-

1. Kurangnya elemen-elemen yang dapat menghalang kecemaran dari kenderaan yang lalu-lalang.
2. Kurangnya elemen-elemen yang berperanan untuk memperseimbangkan antara elemen lanskap lembut dengan elemen lanskap keras.
3. Kurangnya elemen-elemen yang mencantikkan kawasan.
4. Kurangnya penyelenggaraan elemen-elemen lanskap

yang sedia ada.

Dalam hubungan ini perancangan lanskap adalah diperlukan untuk menyelesaikan masalah asas tapak perumahan sebelum cadangan-cadangan lanskap dilaksanakan. Dengan berdasarkan konsep unit lanskap yang mempunyai kriteria-kriteria persekitaran perumahan yang berkualiti. Cadangan-cadangan yang berikut merupakan yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah:

- 1) Penyediaan 'enclosure' lanskap untuk melindungi bahagian-bahagian yang terdedah kepada punca kecemaran udara dan kebisingan.
- 2) Penyediaan kawasan lapang yang berdasarkan kepada keperluan penduduk.
- 3) Pembaikan sistem jalan raya yang mengutamakan laluan jalan kaki untuk menjaga nilai-nilai alam sekitar keseluruhan kawasan.
- 4) Menanam pokok-pokok dan menyediakan elemen-elemen lanskap lain yang mempunyai peranan yang khas seperti mengujudkan nilai-nilai kecantikan semula jadi (arcadia), pemberi teduh, penunjuk arah, penapis cahaya matahari, mengujudkan suasana rumah (territory) menghalang pandangan-pandangan (view) yang buruk dan yang penting sekali dapat menggalakkan integrasi penduduk.

PENGHARGAAN.

Terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terimakasih dan penghormatan saya kepada penyelia kajian ilmiah ini (disertasi), En. Abdul Ghani Mohd. Desa, yang telah memberi kerjasama dan tunjuk ajar yang tidak ternilai di dalam membantu untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada mereka-mereka yang telah bersusah payah meluangkan masa dan memberi perangsang sehingga siapnya kajian ilmiah ini.

Terimakasih.